

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(4)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 4 TAHUN 2017**

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>26 April 2017 (Rabu)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, Ibu pejabat, Majlis Perbandaran Subang Jaya</b>
<b>Kehadiran</b>	<b>:</b>	<b>Seperti di Lampiran A</b>

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan makluman daripada Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya yang memaklumkan bahawa Y.Bhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya tidak dapat mempengerusikan mesyuarat pada hari ini kerana ada tugas rasmi yang lain. Sehubungan itu, setelah berbincang Ahli-Ahli Mesyuarat bersetuju untuk melantik Encik Jaber bin Ami sebagai Pengerusi Mesyuarat, Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04/2017.

Seterusnya mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## **2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 4/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

### **2.1 SESI DIALOG / PEMERKASAAN AWAM BAGI PROGRAM PENGINDAHAN LORONG BELAKANG DAN LUKISAN MURAL DI KAWASAN SUNWAY METRO, JALAN PJS 11/28A DAN JALAN PJS 11/28B, BANDAR SUNWAY**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Sesi Dialog / Pemerksaan Awam Bagi Program Pengindahan Lorong Belakang dan Lukisan Mural di kawasan Sunway Metro, Jalan PJS 11/28A dan Jalan PJS 11/28B, Bandar Sunway.**

Projek ini telah dilaksanakan secara bersepadu dan diselaraskan oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik dan akan memfokuskan **lorong belakang Jalan PJS 11/28A, Bandar Sunway dan Jalan PJS 11/28B, Bandar Sunway** dan ia berada dalam kawasan JKP Zon 2 iaitu dibawah seliaan Encik Wan Hock Leong, Ahli Majlis MPSJ.

Objektif utama program ini adalah untuk memastikan keadaan lorong belakang sentiasa bersih melalui *win-win situation* dan *soft approach* kepada pemilik / penyewa premis dalam memastikan:

- i. Tiada masalah pembuangan sampah haram di lorong belakang.
- ii. Memastikan saluran penghawa dingin menepati syarat.
- iii. Pemasangan grease trap supaya longkang tidak tersumbat dan berbau busuk.

Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh : 3 Mei 2017 (Rabu)**

**Tempat : Gallery 1, No. 34, Jalan PJS 11/28A, The One Academy, Bandar Sunway**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke sesi dialog tersebut.

## **2.2 PROGRAM *ENVIROMENTAL RACE* BERSAMA RAKAN MEDIA SEMPENA ULANG TAHUN KE 20 MPSJ**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program *Environmental Race* Bersama Rakan Media Sempena Ulang Tahun ke 20 MPSJ**. Program ini akan dilaksanakan berkonsepkan *treasure hunt* seperti maklumat berikut:

**Tarikh : 6 Mei 2017 (Sabtu)**

**Masa : 7.00 pagi – 1.00 tengahari**

**Bermula : Kompleks 3C, Jalan PJS 11/2, Bandar Sunway**

**Berakhir : Taman Tema Sunway Lagoon, Jalan PJS 11/11, Bandar Sunway**

Program *Enviromental Race* ini dilaksanakan bagi memberikan penghargaan kepada rakan media MPSJ yang telah banyak membantu dalam memberikan liputan serta memperkasakan imej MPSJ selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang.

Program ini akan direalisasikan secara kolaboratif bersama badan korporat iaitu *Sunway Group* sebagai salah satu usaha untuk mengeratkan kerjasama diantara MPSJ, badan korporat dan sekaligus rakan media bagi meraikan secara bersama ulangtahun MPSJ yang ke-20.

### **2.3 KARNIVAL SIHAT SELANGOR PERINGKAT MPSJ 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Karnival Sihat Selangor Peringkat MPSJ 2017**.

Program ini merupakan program yang melibatkan dua aktiviti iaitu **Larian Sihat dan Kayuhan Hidup Sihat** anjuran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dengan kolaboratif bersama **KPMC Puchong, Nestle Products Sdn Bhd (Milo), Mamee-Double Decker (M) Sdn. Bhd. dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.** sebagai salah satu Program Tanggungjawab Sosial (CSR) bersama MPSJ. Maklumat program adalah seperti maklumat berikut:

**Tarikh** : **13 Mei 2017 (Sabtu)**

**Masa** : **6.30 pagi hingga 10.40 pagi**

**Tempat** : **Tapak Pasar Tani FAMA, Jalan Putra Mahkota 7/6A, Pusat Bandar Putra Point, Putra Height**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

## 2.4 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga **minggu epid ke 15** tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan sejumlah **1,855** kes demam denggi. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 51% jika dibandingkan dengan bilangan kes minggu epid yang sama pada tahun 2016 iaitu sebanyak 3,769 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid ke 15 adalah berjumlah **12** iaitu mengikut pecahan zon seperti berikut;

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	1
2.	Seri Serdang	6
3.	Seri Kembangan	4
4.	Kinrara	1
<b>JUMLAH</b>		<b>12</b>

Pejabat Kesihatan Daerah Petaling pada masa ini memberi tumpuan di kawasan zon Sri Serdang dan zon Seri Kembangan. Kementerian Kesihatan juga telah menetapkan satu gotong-royong akan dilaksanakan di SP8, Taman Saujana Puchong dalam masa terdekat kerana kejadian kes semakin meningkat di lokaliti tersebut.

Semua Ahli Majlis dan JKP di harap dapat memberi kerjasama dengan mengadakan lebih banyak aktiviti bersama penduduk di kawasan masing-masing supaya kejadian kes demam denggi ini dapat dikawal dan dicegah.

## **2.5 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM**

Sehingga bulan **Mac 2017** sebanyak **16** Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan **1** **sitaan** kenderaan telah dilakukan. Sebanyak **8 NTK** dikeluarkan di bawah Seksyen 4 (Kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), **2 NTK** di bawah Seksyen 6 (Kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan **6 NTK**.

di bawah Seksyen 12 (Kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPPS) MPSJ 2007**.

Mulai **1 April 2017**, pihak Majlis menjalankan **kutipan sampah pukal berbayar** bagi **kawasan kediaman (landed property)** di semua kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya. Berikut adalah caj perkhidmatan sampah pukal berbayar;

<b>BIL</b>	<b>KADAR CAJ</b>	<b>MUATAN LORI</b>
1.	RM 30.00	Caj Minima
2.	RM 50.00	1/3 lori
3.	RM 100.00	1/2 lori
4.	RM 150.00	1lori

Permohonan boleh dibuat dengan menghubungi pihak MPSJ di talian **03-80267433 / 4363 / 7431**.

## **2.6 SEMINAR BAZAR RAMADAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2017**

Seminar Bazar Ramadan MPSJ akan diadakan bermula **2 Mei hingga 4 Mei 2017** (Selasa hingga Khamis) bertempat di Dewan Serbaguna MPSJ Taman Puchong Indah, Puchong, Selangor. Seminar ini akan dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Yang Dipertua MPSJ.

Pada majlis yang sama akan berlangsung Majlis Penyampaian Sumbangan Tajaan Rakan Sinergi MPSJ bersempena Bazar Ramadan 2017. Tahun ini MPSJ telah mendapat sumbangan CSR daripada **Unilever Food Solutions MY, Mamee Double Decker (M) Sdn Bhd dan Al Hanee Food Solution**. CSR ini adalah di dalam bentuk program, latihan serta tajaan barangan.

Seminar ini dijangka akan dihadiri seramai **1,500 orang** peniaga yang telah berjaya melalui proses permohonan *online* Bazar Ramadan MPSJ. Para peniaga yang menghadiri seminar akan berpeluang untuk mendengar taklimat pengurusan bazar Ramadan daripada pelbagai agensi, demonstrasi masakan daripada chef terkemuka, cenderamata serta pelbagai barangan daripada syarikat penaja.

## **2.7 UNDIAN PETAK BAZAR RAMADHAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA TAHUN 2017**

Pengundian petak Bazar Ramadan MPSJ akan diadakan pada **9 Mei 2017 (Selasa)** bermula jam 9.30 pagi bertempat di Stadium MPSJ Serdang Jaya, Serdang, Selangor. Proses pengundian akan dilaksanakan oleh Ahli Majlis MPSJ dan disaksikan oleh Unit Audit Dalam, Unit Integriti dan agensi lain yang berkaitan.

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 3/2017**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 3 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 29 Mac 2017 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Tiada perkara berbangkit.

### **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

#### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 7/2017 bertarikh 5 April 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 4.3 & m/surat 20	Encik Chang Kim Loong	Permohonan serentak kebenaran merancang + pelan bangunan (tambahan ubahsuai).	Beliau meminta penjelasan pihak Majlis berhubung status terkini penyediaan garis panduan tambahan dan ubahsuai bangunan.  <b><u>Maklum balas</u></b>  Encik Hazman bin Mohd Mahayudin, Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan Bandar memaklumkan pihak



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Jabatan telah menyediakan kertas kerja berkaitan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b></p>

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 8/2017 bertarikh 19 April 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.2 & m/surat 9	Encik Wan Hock Leong	Permohonan serentak kebenaran merancang + pelan bangunan (tambahan ubahsuaian).	<p>Beliau memohon penjelasan mengenai tindakan yang akan di ambil oleh MPSJ ke atas permohonan yang di tangguhkan kerana tiada garis panduan tambahan dan ubahsuai bangunan rumah berkembar dan rumah sesebuah.</p> <p>Dalam hal yang sama, Encik Pooi Weng Keong meminta supaya ditangguhkan pengeluaran notis</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>program kelulusan khas tambahan ubahsuai bangunan kediaman.</p> <p><b>Tindakan : Bangunan</b></p>

### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 4/2017 bertarikh 5 April 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1 & m/surat 1	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Laporan pengurusan aduan bulan Mac 2017.	<p>Beliau mencadangkan agar pengurusan aduan bulanan MPSJ dapat diperbaiki dan dipertingkatkan khususnya yang melibatkan aspek pelaporan penyelesaian aduan.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Tuan Pengerusi mencadangkan agar pihak Majlis mengadakan taklimat pengurusan aduan MPSJ kepada semua Ahli Majlis.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<b>Korporat dan Pengurusan Strategik</b>
2.	Para 6.2 & m/surat 10	Encik Pooi Weng Keong	Isu perjanjian antara MPSJ dan Konsep Purnama Sdn. Bhd. dan Realiti Padu Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon penjelasan mengenai pelantikan juruaudit bertauliah yang melibatkan projek-projek penswastaaan MPSJ.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Encik Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Jabatan Perbendaharaan memaklumkan bahawa pelantikan juruaudit bertauliah bagi pengauditan ke atas akaun pemaju akan dilantik menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding MPSJ.</p> <p>Seterusnya, Tuan Pengerusi mencadangkan pihak Majlis menubuhkan Jawatankuasa Penswastaaan yang melibatkan keanggotaan Ahli Majlis (ketua whip) dan jabatan-jabatan yang berkaitan.</p> <p>Fungsi Jawatankuasa ini adalah untuk</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>membincangkan isu-isu berkaitan projek-projek penswastaaan MPSJ dan menyelesaikan permasalahan yang timbul secara teratur dan terbaik.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Perbendaharaan &amp; Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</b></p>

#### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 4/2017 bertarikh 12 April 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### 5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 4/2017 bertarikh 14 April 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 & m/surat 31	Encik Chang Kim Loong	Status penilaian depoh LRT (Putra Height).	Beliau meminta penjelasan mengenai status terkini penilaian depoh LRT Putra Height.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Beliau juga mencadangkan pihak Majlis melantik peguam untuk mendapatkan pandangan perundangan mengenai nilai pegangan yang dikemukakan oleh penilai swasta.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Puan Hajah Anita binti Abd. Jalil, Pengarah Jabatan Undang-Undang memohon pandangan Ahli-Ahli Mesyuarat mengenai pelantikan peguam yang akan melibatkan kos perkhidmatan guaman.</p> <p>Setelah berbincang, mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan kos syiling pembayaran guaman berjumlah RM10,000.00.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Undang-Undang &amp; Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</b></p>

## 5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 4/2017 bertarikh 17 April 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 4/2017 bertarikh 18 April 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/surat 7	Encik Pooi Weng Keong	Permohonan pembaharuan lesen sementara aktiviti perniagaan medan selera bagi syarikat SK Kwok Wai Restoran yang dijalankan di Lot 16.093, Persiaran Serdang Perdana, 43300, Seri Kembangan, Selangor.	Beliau memohon penjelasan mengenai status terkini permohonan tersebut.  <b>Maklum balas</b>  Puan Hajah Aida binti Omar, Pengarah Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta memaklumkan bahawa pihak Majlis telah mengemukakan kertas permohonan tersebut kepada Urusetia MTES bagi tujuan pembentangan dan mendapatkan keputusan.  Sehubungan itu, pihak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Majlis akan membuat keputusan berdasarkan daripada keputusan Mesyuarat MTES tersebut.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta</b></p>
2.	Para 3.3 & m/surat 8	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Pembelian kenderaan tunda	<p>Beliau meminta penjelasan mengenai status terkini pembelian lori tunda Jabatan Penguatkuasa.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua MPSJ memaklumkan bahawa pembelian ini diuruskan oleh Jabatan Kejuruteraan. Pembelian ini melibatkan 4 unit lori tunda. Surat tawaran telah dikeluarkan kepada pembekal. Proses pembelian ini dijangka akan selesai pada bulan Julai 2017.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 4/2017 bertarikh 18 April 2017**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 4/2017 bertarikh 19 April 2017**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.



## 6.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Mei 2017** akan diadakan pada **26 Mei 2017(Jumaat)** jam 9.30 pagi.

Tarikh Disediakan : 05 Mei 2017

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. HJ. JABERI BIN AMI), P.J.K.**  
Ahli Majlis  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | TPr. Hj. Jaber bin Ami, P.J.K.  | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir   | - | "                       |
| 5.  | Encik Stephen Chin Sou Bong   | - | "                       |
| 6.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "                       |
| 7.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "                       |
| 8.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 9.  | Encik Yap Kok Weng  | - | "                       |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "                       |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan  | - | "                       |
| 12. | Ir. Izham bin Hashim  | - | "                       |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A.                                    | - | "                       |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "                       |
| 15. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy   | - | "                       |
| 16. | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "                       |

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 17. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 18. | Puan Kavitha a/p Chandragesen           | - | " |
| 19. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu         | - | " |
| 20. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N.           | - | " |
| 21. | Puan Wong Siew Ki                       | - | " |
| 22. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo           | - | " |

### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |  |   |             |
|----|--|---|-------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S.<br>Yang Dipertua MPSJ |   |             |
| 2. | Encik Edwin Lim Hock Lee   | - | Ahli Majlis |
| 3. | Puan Norzaihan binti Ismail  | - | "           |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli   | - | "           |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

- |    |   |  |  |
|----|---|--|--|
| 1. | Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.<br>Pengarah, Jabatan Kejuruteraan                            |  |  |
| 2. | Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.<br>Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik |  |  |
| 3. | Tn. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.<br>Pengarah, Jabatan Perbendaharaan                 |  |  |
| 4. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff<br>Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat                        |  |  |

5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
7. Puan Hjh. Anita binti Abdul Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Hjh. Noraziah binti Ali  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
13. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Encik Muhd Hasnizam bin Hasan  
Pengarah, Jabatan COB
15. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
16. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
17. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

18. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
19. Encik Azfarizal bin Abd Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
20. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
22. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Penilaian Dan Pengurusan Harta
23. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
24. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
25. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
26. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
27. Puan Asmidar binti Shaarin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
28. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
29. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
30. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

31. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
32. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
33. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
34. Puan Azian binti Ropie  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
35. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
36. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
37. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
38. Puan Mazlina binti Mautafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan  
Awam
39. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim  
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
40. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
41. Encik Zamir Umbra bin Shahimi  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
42. Puan Nor Najihah binti Sukor  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
43. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napiah  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

44. Encik Aidil Ifni bin Supar  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
45. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
46. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
47. Puan Salihah binti Ramli  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
48. Puan Nurul Saadah binti Abdul Wahab  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
49. Cik Roshaira binti Rosly  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
50. Puan Nurnawwar binti Arpaaii  
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan

### **URUS SETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan